

13/10/2003

Thai dakwa Soros biayai NGO ganggu sidang Apec

Khaidir Abdul Majid; Zainab Yatim

BANGKOK: Nama George Soros, pedagang mata wang antarabangsa yang dipersalahkan banyak pihak sebagai pencetus krisis mata wang pada 1997, muncul semula menjelang Forum (Apec) yang bermula di sini minggu ini.

Kali ini Soros dikaitkan pula dengan kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengganggu kelancaran lancar forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang kemuncaknya adalah persidangan pemimpin ekonomi 21 anggotanya pada 20 dan 21 Oktober ini.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra mendakwa jutawan Amerika Syarikat itu akan membiaya beberapa NGO untuk mengganggu perjalanan mesyuarat Apec yang akan bermula pada peringkat pegawai kanan esok hingga Rabu, menteri selama dua hari bermula Jumaat dan sebelum persidangan peringkat pemimpin Isnin dan Selasa.

Thaksin berkata, Soros membiayai kegiatan NGO untuk menggambarkan dirinya bersifat 'mulia' membantu NGO yang kebanyakannya memperjuangkan hak golongan marhaen.

"Namun Thailand tidak akan lupa bahawa Soros sebenarnya adalah orang yang berdosa. Ada orang sudah buat dosa dan kemudiannya mahu buat pahala pula, seolah-olah perubahan ini boleh mengubah persepsi terhadapnya.

"Orang ini sebenarnya masih lagi seorang yang berdosa besar," Thaksin dipetik oleh akhbar Thailand, The Sunday Nation sebagai berkata semalam.

Perdana Menteri Thailand itu mengingatkan rakyat supaya jangan lupa 'dosa' Soros terhadap Thailand lebih tujuh tahun lalu yang meranapkan ekonominya dan mengakibatkan kesengsaraan hampir seluruh masyarakatnya.

Soros dituduh mengepalai sekumpulan pedagang mata wang menyerang mata wang Thailand, baht sejak 1995 yang akhirnya memaksa bank pusat negara itu mengapungkan mata wangnya pada 1997.

Pengapungan baht pada Julai 1997 itu mencetuskan krisis mata wang serantau yang turut menjejaskan ekonomi Malaysia.

Thaksin tidak menyebut secara tepat kegiatan NGO yang akan dibiayai Soros. Bagaimanapun, baru-baru ini Thaksin ada memberi amaran bahawa beberapa NGO dari luar bandar akan mengadakan tunjuk perasaan di jalan raya di sini bagi menjejaskan perjalanan forum Apec.

Rancangan NGO itu membimbangkan pihak keselamatan yang bertungkus lumus memastikan tahap keselamatan sentiasa dikawal rapi, lebih-lebih lagi Presiden George W Bush akan turut menghadiri persidangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengundur diri sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini dijangka menghadiri sidang kemuncak pemimpin Apec itu buat kali terakhir.

Sumber Kerajaan Thailand dipetik sebagai berkata beberapa NGO asing 'bermasalah' dan aktivis yang ada kaitan dengan kumpulan itu sudah disenarai hitam dan dilarang memasuki Thailand ketika ketika persidangan Apec.